

Soalan Lazim (FAQ) Portal UP_TVET

1. Apa itu UP_TVET?

UP_TVET adalah sistem permohonan kursus TVET berpusat secara online yang dibangunkan bagi memudahkan proses permohonan untuk memilih program TVET yang ditawarkan oleh Penyedia Latihan TVET di Malaysia.

2. Bagaimanakah untuk memohon Kursus TVET di portal UP_TVET.

Melalui laman web <https://mohon.tvet.gov.my/>, sila klik pada "Manual Pengguna" di bahagian kanan atas dan download "Manual Pengguna UP_TVET V1".

3. Apa itu Program TVET?

TVET adalah singkatan kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical & Vocational Education and Training). TVET ini lebih dikenali sebagai kursus dalam bidang kemahiran.

4. Adakah semua kursus kemahiran ditawarkan di portal UP_TVET?

Antara institusi yang menawarkan kursus bagi Siri Perdana Ambilan Julai 2024 adalah Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI), Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), German-Malaysian Institute (GMI), GiatMARA, Institut Kemahiran MARA, Kolej Kemahiran Tinggi MARA, MARA Japan Industrial Institute (MJII) UniKL, Kolej Kemahiran PERDA, Kolej Risda, Kolej KEDA, Kolej Vokasional, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Institut Kraf Negara (IKN), Akademi Havea Malaysia, Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC), Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) dan Institut Pertanian.

5. Sekiranya kursus yang hendak dimohon tiada di portal UP_TVET, apakah tindakan yang boleh diambil?

Penawaran kursus di UP_TVET ditetapkan oleh Penyedia Latihan TVET. Pemohon boleh menghubungi Penyedia Latihan TVET yang menawarkan kursus tersebut.

6. Siapakah yang layak memohon kursus TVET di portal UP_TVET?

Program TVET terbuka kepada semua individu berumur 16 tahun dan ke atas, termasuk graduan sekolah menengah, orang dewasa yang mencari perubahan kerjaya, dan individu yang ingin meningkatkan kemahiran atau kelayakan mereka. Syarat kemasukan tambahan setiap kursus boleh dilihat melalui butang "Info Kursus" setiap kursus yang ditawarkan.

7. Adakah saya boleh membuat permohonan kursus sekiranya saya tidak mempunyai sijil SPM namun telah memiliki SKM 3?

Boleh.

8. Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya saya tidak boleh daftar kerana terdapat notifikasi ralat “Pendaftaran Gagal, Nombor Kad Pengenalan Telah Didaftarkan Sebelum Ini” ?

No Kad Pengenalan tersebut sudah didaftarkan dalam portal MySPIKE atau portal TVET MADANI. Sila reset kata laluan sekiranya lupa kata laluan yang telah didaftarkan.

9. Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya saya telah berdaftar namun tidak mendapat notifikasi di emel?

Anda boleh menghubungi talian UP_TVET (019-2318 243/264/291) atau emel ke up_tvet@mohr.gov.my no kad pengenalan dan nama yang didaftarkan untuk semakan emel berdaftar.

10. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat tempoh kursus yang ditawarkan?

Anda boleh menyemak maklumat terperinci berkenaan kursus di Info Kursus.

11. Bolehkah saya hanya mohon kursus kurang/lebih dari 3?

Calon perlu pilih sekurang-kurangnya tiga (3) kursus sebelum dapat menghantar permohonan.

12. Bolehkah ubah kursus yang dimohon setelah permohonan dihantar?

Calon tidak lagi boleh ubah/pinda kursus yang dimohon setelah permohonan dihantar.

13. Adakah kursus yang dimohon melalui UP_TVET akan disediakan elaun?

Pemberian elaun / insentif lain adalah mengikut ketetapan Penyedia Latihan TVET yang menawarkan program di portal UP_TVET.

Untuk mendapatkan maklumat lebih jelas, tuan/puan boleh klik pada "Info Kursus" pada kursus berkaitan, atau terus berhubung dengan Penyedia Latihan TVET tersebut melalui Butiran yang dipaparkan.

14. Adakah program TVET setaraf dengan pendidikan akademik tradisional?

Program TVET tidak semestinya setaraf dengan pendidikan akademik tradisional. Ia memberi tumpuan kepada kemahiran praktikal dan direka untuk menyediakan individu untuk bidang tukang atau vokasi tertentu. Walau bagaimanapun, program TVET juga boleh mengandungi komponen akademik untuk meningkatkan penyelesaian masalah dan pengetahuan teknikal.

15. Adakah peluang pendidikan lanjutan selepas menyelesaikan program TVET?

Individu yang menyelesaikan program TVET mempunyai peluang untuk meneruskan pengajian dalam peringkat yang lebih tinggi dalam bidang yang telah dipilih.